

## AMALAN DAKWAH ZAKAT DI MELAKA : SATU TINJAUAN

**Muhammad Norazam bin Nordin & Ahmad Faqih bin Ibrahim**  
Jabatan Usuluddin, Fakulti Keilmuan Islam  
Kolej Universiti Islam Melaka

### ABSTRAK

Berdasarkan daripada penilaian kutipan tiga tahun yang lepas jelas menunjukkan wujudnya kadar peningkatan kutipan di Zakat Melaka pada setiap tahun. Ini dapat dibuktikan melalui penelitian yang dibuat terhadap statistik kutipan zakat di Melaka dan dijangka angka kutipan tersebut akan terus meningkat pada tahun-tahun seterusnya. Oleh yang demikian kertas ini akan menganalisis usaha-usaha dakwah yang telah dijalankan oleh institusi zakat yang berjaya menyumbang kepada pencapaian positif dan membanggakan. Hasil dari pemerhatian mendapati terdapat pelbagai faktor yang berkesan menyedarkan masyarakat kepentingan berzakat antaranya pelbagai medium media, pameran, khutbah, ceramah dan sebagainya. Kertas kajian ini juga memerhatikan sejauh mana tahap kefahaman umum masyarakat terhadap zakat hasil dari kajian yang dijalankan sendiri oleh pengkaji.

**Kata kunci :** zakat, dakwah, peningkatan kutipan, kempen media

### ***DAKWAH PRACTICE ON ZAKAT IN MELAKA: AN OVERVIEW***

### ABSTRACT

Based on the evaluation of the collection three years clearly shows the existence of the rate of increase Zakat collection in Malacca in every year. This can be proved through observations made against statistics collection of zakat in Melaka and expected the collection figures will continue to increase in the years beyond. Therefore this paper will analyze the missionary efforts that were carried out by institutions of zakat successfully contribute to achievement of positive and commendable. As a result of observations found there are various factors that effectively alerting communities of interest among various medium berzakat media, exhibitions, sermons, lectures and so on. This research paper also observe the degree to which the General level of understanding the community of zakat as a result of a study conducted by researchers.

**Keywords:** zakat, Dawah, increased collection, media campaign

## PENGENALAN

Islam merupakan satu agama yang lengkap mencakupi seluruh aspek dan ruang lingkup kehidupan manusia. Aspek persaudaraan dalam kehidupan merupakan salah satu aspek yang sangat dititikberatkan. Pelbagai golongan dapat dilihat mendiami bumi ini. Antaranya golongan yang terdiri daripada golongan kaya, miskin, anak yatim dan sebagainya, terdapat golongan yang bernasib baik dan sebaliknya. Sehubungan itu, untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik ini, maka Allah mensyariatkan satu sistem atau kaedah yang dikenali sebagai “Zakat” untuk membantu golongan tersebut.

Zakat dalam Islam merupakan ibadah dan satu kefardhuan kepada umatnya juga mempunyai pengaruh yang penting dalam sistem pentadbiran negara Islam. Zakat merupakan kaedah pengurusan kewangan yang bermatlamat untuk mengatasi masalah kemiskinan dan kesempitan hidup dengan meletakkan tanggungjawab kepada golongan yang berada terhadap golongan asnaf yang telah jelas dinyatakan di dalam al-Quran hadis. Firman Allah SWT:

﴿إِنَّمَا الْصَّدَقَةُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسَكِينِ وَالْعَمِيلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةُ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ  
وَالْغُرِيمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِيَالسَّبِيلِ فَرِيضَةٌ مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin dan amil-amil yang mengurusnya dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”. (al-Taubah : 60)

Sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah Telah menfardhukan zakat sebagai pembersihan terhadap harta.” (Riwayat Bukhari)

Di Malaysia, Perlembagaan Persekutuan telah menyenaraikan bahawa hal berkaitan agama Islam iaitu zakat adalah tertakluk di bawah bidang kuasa negeri-negeri (Muhsin Nor Paizin, 2014). Terdapat institusi formal yang bertanggungjawab untuk mengurus hal-ehwal yang berkaitan dengan zakat. Institusi ini dikenali sebagai “Pusat Pungutan Zakat” dan diletakkan di bawah pengawasan Majlis Agama Islam Negeri (Sanep Ahmad, 2006). Pelaksanaan segala dasar dan kegiatan Majlis Agama Islam di sesebuah negeri berkenaan dilaksanakan melalui Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri dan dipertanggungjawabkan kepada MAIN (Ahmad Shahir, 2010). MAIN ini adalah terletak di bawah DYMM Sultan/ Raja atau SPB Yang Dipertua Agong yang

mana ia bertanggungjawab ke atas segala urusan berkaitan dengan kegiatan Islam di negeri berkenaan termasuklah di dalam pengendalian zakat.

Oleh yang demikian segala struktur pentadbiran yang telah diterbitkan ini dilihat wujudnya kemajuan yang ketara terutamanya dari segi gaya amalan pengurusan yang lebih teratur, usaha penyebaran dakwah dan juga jumlah amaun zakat yang berjaya dikutip dari tahun ke tahun. Antara usaha-usaha dan faktor-faktor yang mempengaruhi peningkatan kutipan zakat dan kesedaran masyarakat mengeluarkan zakat haruslah diperkuuhkan dan diperkasakan lagi. Ini kerana, ianya mempunyai hubungkait yang sangat rapat dalam meningkatkan lagi kadar kutipan zakat di setiap negeri. Justeru itu, usaha dan amalan dakwah zakat seharusnya dilaksanakan sebaiknya bagi memindahkan ilmu pengetahuan daripada golongan cendekiawan kepada masyarakat awam supaya jelas kefahaman akan kepentingan dan kewajipan mengeluarkan zakat (Muhsin Ahmad, 2014).

Berdasarkan pengenalan di atas, limitasi kertas kajian hanya tertumpu kepada usaha dan faktor yang mempengaruhi peningkatan zakat dan kesedaran masyarakat mengeluarkan zakat. Kertas ini akan menghadkan penelitian tajuk kepada dakwah zakat di negeri Melaka sahaja.

## PENGURUSAN ZAKAT DI MELAKA

Pada awalnya, pengurusan zakat di negeri Melaka adalah di bawah tanggungjawab Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), yang mana skop kerjanya tertumpu kepada mengurus dan menagihkan hasil zakat berdasarkan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1959. Enakmen ini diwujudkan untuk mengantikan kaedah tradisional yang mana guru agama diamanahkan untuk mengutip serta menagihkan zakat.

Bermula pada tahun 1993, pengurusan zakat telah diperkemaskan melalui penubuhan Kaunter Zakat Berkomputer (KZB) yang mana peranannya kekal berkaitan urusan kutipan dan agihan zakat. Penekanan dan penggunaan teknologi maklumat, digarap secara maksimum dalam menghasilkan produktiviti kerja menjadi lebih baik dan efisyen. KZB mengambil langkah drastik dalam mewujudkan lima cawangan dalam negeri selain Ibu Pejabatnya di Graha Maju iaitu Alor Gajah, Jasin, Merlimau dan Masjid Tanah bagi memberi perkhidmatan dan kemudahan kepada masyarakat khususnya kepada pelunas-pelunas zakat.

Kauter Zakat Berkomputer (KZB) kemudiannya telah dikorporatkan dan digantikan dengan nama Pusat Zakat Melaka (PZM) pada 22 September 2000 dan di mana skop pengurusannya ialah melaksanakan kutipan zakat semata-mata di Negeri Melaka. Manakala agihan zakat pula di bawah tanggungjawab MAIM. Pada 1 Januari 2016, nama PZM telah ditransformasikan kepada Zakat Melaka (ZM) di atas cetusan idea YAB Datuk Seri Utama Ir. Idris bin Hj. Haron, Ketua Menteri Melaka selaku Pengerusi ZM.

Bukan sekadar nama, malah logo baharu ZM juga direka cipta dan diubah bagi mengambarkan kesiapsiagaan pengurusan dan kakitangan ZM untuk terus menerjui agensi terulung mengutip zakat dengan menawarkan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat Islam di Negeri Melaka khususnya. Pada 8 Julai 2016,

ZM telah berpindah dan beroperasi sepenuhnya di bangunannya di Pusat Niaga Bukit Baru IV, Melaka memandangkan bangunan Ibu Pejabat sedia ada agak kecil untuk menampung Pertambahan kakitangan dan bangunan Ibu Pejabat baru ini telahpun dirasmikan oleh Ketua Menteri Melaka pada 2 Ogos 2016 (<http://www.izakat.com>).

### **JENIS ZAKAT YANG DITERIMA DI MELAKA**

Pelbagai jenis zakat yang diterima di Melaka seperti Zakat Pendapatan, Zakat Wang Simpanan, Zakat Perniagaan, Zakat Emas, Zakat Saham, Zakat Ternakan, Zakat Pertanian dan Zakat Fitrah.

**Jadual 1:** Laporan Kutipan Zakat Dari Tahun 2015-2017

<b>JENIS ZAKAT</b>	<b>KUTIPAN (RM)</b>		
	<b>2015</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>
<b>Pendapatan</b>	35,260,377.24	39,623,568.36	44,607,990.55
<b>Wang Simpanan</b>	12,286,830.30	13,149,704.32	14,151,004.45
<b>Perniagaan</b>	12,370,338.08	12,316,086.87	21,206,155.88
<b>Emas</b>	651,146.17	716,427.44	771,424.28
<b>Saham</b>	1,622,393.11	861,170.48	908,088.91
<b>Ternakan</b>	89,555.00	77,483.00	82,747.00
<b>Pertanian</b>	61,296.00	76,338.25	35,316.80
<b>Jumlah</b>	62,341,935.90	66,820,778.72	81,762,727.87
<b>Zakat Fitrah</b>	3,625,115.40	3,714,600.60	3,842,336.10
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	65,967,051.30	70,535,379.32	85,605,063.97

**Sumber :** Bahagian Perhubungan Korporat, Operasi & Perkhidmatan Pelanggan,  
ZM 2018

Jadual 1 menunjukkan jumlah kutipan zakat paling besar adalah hasil kutipan dari Zakat Pendapatan daripada keseluruhan kutipan, diikuti oleh Zakat Perniagaan, Zakat Wang Simpanan dan seterusnya.

## **DEFINISI DAN KONSEP AKTIVITI DAKWAH ZAKAT**

Dalam memastikan kutipan zakat tahunan mencapai sasaran seperti yang telah ditetapkan, banyak aktiviti serta program dakwah telah dirangkakan dan diselaraskan melalui penetapan Sasaran Kerja Tahunan (SKT). Program promosi aktiviti dakwah zakat ini bertujuan memastikan kesedaran masyarakat Islam mengenai kepentingan kewajipan zakat.

Maka dengan itu, usaha dan program promosi aktiviti dakwah zakat ini seharusnya dilaksanakan sebaiknya bagi memindahkan ilmu pengetahuan daripada golongan cendekiawan kepada masyarakat awam supaya jelas kefahaman dan kesedaran akan kepentingan serta kewajipan mengeluarkan zakat. Oleh itu antara usaha-usaha program promosi aktiviti dakwah zakat yang dapat mempengaruhi peningkatan kutipan zakat seperti berikut (Laporan Tahunan MAIM, 2016).

## **AMALAN DAKWAH ZAKAT YANG MENJADI FAKTOR PENINGKATAN JUMLAH KUTIPAN**

Di sini pengkaji menyatakan beberapa amalan dakwah zakat yang menjadi faktor kepada peningkatan jumlah kutipan zakat di Melaka;

### **Kepelbagaiannya Medium Media**

Zakat Melaka menjalankan aktiviti dakwahnya melalui kerjasama dengan media cetak bagi membuat laporan sepanjang tahun. Antara media yang sering membuat laporan berkenaan aktiviti Zakat Melaka ialah surat khabar Harian Melaka, Melaka Hari Ini, Harian Metro dan Majalah Nafaz Media. Jumlah laporan media cetak yang Berjaya diperoleh sepanjang tahun 2017 ialah sebanyak 83 kali. Zakat Melaka juga tidak ketinggalan mendapat laporan pengiklanan melalui media radio seperti Melaka FM dan ASTRO Radio (Sinar FM). Kempen yang dijalankan meliputi dakwah zakat.

### **Pameran, Khutbah, Ceramah, Taklimat dan Seminar**

Zakat Melaka menjalankan usaha dakwah dan penyaluran informasi berkenaan zakat sentiasa dijalankan sepanjang tahun menerusi ceramah di pejabat-pejabat kerajaan dan syarikat-syarikat swasta, sesi taklimat kepada majikan, persatuan, NGO serta khutbah sempena sembahyang Jumaat (Rais Alias, 2004). Pendekatan secara langsung sebegini telah terbukti cukup berkesan oleh kerana ia mampu sampai ke khalayak ramai sama ada di pejabat atau masjid di seluruh negara. Begitu juga dengan penganjuran seminar zakat adalah bagi mengupas segala isu dan pemasalahan zakat oleh golongan ahli akademik dan juga pelaksana zakat itu

sendiri. Ianya diadakan secara berterusan bagi mengisi keperluan pelbagai pihak dari segi keperluan pengurusan kewangan, sumber manusia serta perniagaan bagi meningkatkan kefahaman tentang kewajipan berzakat. Zakat Melaka semenjak awal penubuhan telah memperkenalkan pelbagai jenis perkhidmatan dengan tujuan menggalakkan orang Islam untuk memahami pelbagai permasalahan berkenaan dengan zakat. Zakat Melaka juga mengalu-alukan inisiatif dari pelbagai pihak untuk menganjur sesi *konsultasi* dan temu janji berkenaan kaedah pengiraan zakat di pejabat-pejabat bagi mereka yang tiada kesempatan masa untuk datang ke kaunter Zakat Melaka.

### **Kutipan Zakat Secara Berkelompok**

Kutipan zakat secara kelompok adalah satu cara di mana Zakat Melaka membuka kaunter-kaunter perkhidmatan sementara di pejabat-pejabat kerajaan mahu pun pejabat swasta. Kaedah ini diperkenalkan dengan objektif untuk membantu mereka yang tidak berkesempatan ke Zakat Melaka disebabkan halangan seperti masa, pekerjaan dan sebagainya (Rais, 2004). Sebagai tambahan, pada tahun 2016 Zakat Melaka mula mewujudkan kaunter bergerak dengan menggunakan van sebagai medium perlaksanaannya. Sehubungan dengan itu, van kaunter bergerak ini adalah untuk memberi kemudahan dan keselesaan kepada masyarakat Islam di negeri Melaka khususnya dalam melunaskan zakat serta sebagai salah satu komponen sokongan bagi menyampaikan maklumat kewajipan berzakat dengan lebih meluas serta mengeratkan lagi hubungan insaniah bersama agensi dan masyarakat serta dapat menyampaikan maklumat tepat serta info tambahan berkaitan kepentingan dan kewajipan melunaskan zakat serta maklumat tambahan berkaitan pengagihan zakat.

### **Saluran Media Baharu**

Seperti yang dinyatakan sebelum ini Zakat Melaka memperkenalkan portal terbaru di laman webnya untuk masyarakat mengenali perkhidmatannya dengan lebih cepat dan mudah. Di laman web <http://www.izakat.com>.pengguna boleh mendapatkan pelbagai info zakat. Masyarakat tidak seharusnya melepaskan peluang memperoleh pelbagai info dan maklumat zakat di portal ini. Segala informasi yang dihidangkan dalam portal ini sememangnya dipersembahkan dengan gaya yang lebih segar dan berlainan. Kelainan ini sudah semestinya membawa pelbagai keistimewaan untuk pengguna. Zakat Melaka juga tidak melepaskan peluang dalam menyebarkan dakwah zakat melalui media sosial seperti *Facebook ADS* (FB : Zakat Melaka) bagi menanam kefahaman zakat dengan cara mudah dan digemari sekaligus menjadi pembayar zakat bagi membantu asnaf yang memerlukan.

**Jadual 2: Aktiviti Promosi Dakwah Zakat di Melaka Tahun 2017**

BIL	AKTIVITI PROMOSI	JUMLAH	SASARAN 2017	(%) PENCAPAIAN
1	Taklimat / Ceramah	117	240	48.75
2	Temujanji	465	456	101.97
3	Pameran	23	12	191.67
4	Kaunter	304	156	194.87
5	Kaunter Fitrah	471	610	77.21
6	Van Bergerak	212	144	147.22
7	Media Cetak	83	60	138.33
8	Banner / Banting / Backdrop	13	60	21.67
9	OPS Sedar	407	600	67.83
10	Khutbah Jumaat	96	96	100
11	Khutbah Litar	2	2	100
12	Program Ziarah Kariah / Celik Zakat	140	120	116.67
13	E-Mail	16,617	10,620	156.47
14	SMS	197,307	185,004	106.65
15	Facebook ADS	128	108	118.52
16	Slot Radio (Melaka FM.)	22	22	100

**Sumber :**Bahagian Perhubungan Korporat, Operasi & Perkhimatan Pelanggan,  
 ZM 2018

**Pengetahuan Umum Masyarakat Terhadap Zakat**

Hasil daripada dakwah zakat seharusnya bukan sahaja dapat membantu meningkatkan jumlah kutipan, malah turut juga membantu meningkatkan kesedaran dan pemahaman umum masyarakat terhadap zakat dan perlaksanaannya di Melaka. Kertas ini seterusnya akan meninjau hasil kajian kecil berkenaan status pemahaman masyarakat terhadap maklumat umum zakat. Data diperoleh melalui soal selidik yang diedarkan kepada 50 orang responden dalam kalangan pembayar zakat di Melaka.

Jadual 3: Pengetahuan Umum Masyarakat Terhadap Zakat Tahun 2018

Bil.	Pengetahuan	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
1.	Kadar zakat harta 2.5 %	70%	18%	10%	2%	-
2.	Terdapat 2 jenis kategori zakat iaitu Zakat Harta dan Zakat Fitrah.	70%	14%	2%	2%	12%
3.	Syarat wajib zakat ialah Islam, merdeka, milik sempurna, cukup nisab, cukup haul & harta yang berkembang.	82%	18%	-	-	-
4.	Kempen, Ceramah, Taklimat, khutbah antara medium saluran dakwah yang mampu memberi kesedaran kepada masyarakat berkenaan dengan zakat.	56%	40%	-	2%	2%
5.	Pembayaran bagi zakat harta adalah tidak wajib.	2%	12%	6%	16%	64%

**Sumber:** Keputusan Dapatan Daripada Borang Soal Selidik

Jadual 3 merumuskan hasil tinjauan yang telah dibuat. Jadual menunjukkan bahawa majoriti (70%) daripada responden menyedari dan sangat setuju bahawa kadar zakat harta yang dikenakan atas sesuatu harta ialah sebanyak 2.5%. Manakala, pengetahuan responden berkenaan terdapat dua jenis kategori zakat iaitu Zakat Harta dan Zakat Fitrah adalah sebanyak (70%) orang responden yang sangat bersetuju. Pengetahuan berkenaan dengan syarat wajib zakat pula mencatatkan peratusan yang paling tinggi iaitu (82%) orang responden

yang sangat setuju. Maka dengan itu jelas menunjukkan rata-rata responden mengetahui dan memahami syarat wajib zakat berkenaan. Seterusnya pengetahuan responden berkenaan kempen, ceramah, taklimat, khutbah antara medium saluran dakwah yang mampu memberi kesedaran kepada masyarakat berkenaan dengan zakat menunjukkan 96% (56% sangat setuju dan 40% setuju) dengan pernyataan ini. Manakala pengetahuan umum berkenaan pembayaran bagi zakat harta adalah tidak wajib menunjukkan peratusan 64% responden sangat tidak setuju. Jelas kelihatan lebih daripada separuh responden mengetahui dan menyedari akan kewajipan untuk membayar zakat harta. Maka dengan itu jelas menunjukkan bahawa amalan dakwah zakat ini berperanan dalam menyampaikan pengetahuan dan kesedaran kepada masyarakat Muslim di Melaka.

## KESIMPULAN

Hasil daripada dakwah zakat seharusnya bukan sahaja membantu meningkatkan jumlah kutipan, malah turut juga membantu meningkatkan pemahaman umum masyarakat terhadap zakat dan perlaksanaannya di Malaysia. Secara umumnya, kutipan zakat yang meningkat di Melaka dari tahun ke tahun adalah disumbangkan oleh pelbagai faktor terutamanya usaha dakwah yang dijalankan sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini. Pihak pengurusan zakat iaitu Zakat Melaka dilihat telah menjalankan tugas mereka dengan cemerlang, namun seharusnya mencari jalan baharu bagi meluaskan lagi ilmu pengetahuan dan menyebarkannya kepada masyarakat.

## BIBLIOGRAFI

### Al-Quran

- Amir Husin Mohd Nor. 2010. Peningkatan Kutipan Zakat di Malaysia : Analisa Faktor. *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 4 (2) : 79-94.
- Ahmad Shahir Bin Makhtar & Adibah Bt. Abdul Wahab. 2010. Pengurusan Zakat Negeri Selangor : Isu dan Cabaran. *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Perancangan & Pengurusan Harta dalam Islam*, t.hlm.
- Laporan Tahunan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM). 2016.
- Laporan Bahagian Perhubungan Korporat, Operasi & Perkhidmatan Pelanggan. Zakat Melaka 2018.
- Melayari Laman Sesawang Rasmi : Zakat Melaka. Pada 12 Jun 2018 <http://www.izakat.com/>.
- Muhsin Nor Paizin. 2014. Amalan Dakwah Zakat Di Wilayah Persekutuan Malaysia : Satu Pemerhatian. *Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasic*, hlm. 482-489.
- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Adnan Mohamad. 2006. Penswastaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia. *IJMS* 13 (2) : 175-196.